

06/03/2004

Ketokohan agama Pak Lah panaskan pembangkang

Wan Hazmir Bakar

PILIHAN RAYA datang lagi. Seperti biasa, persaingan pertama adalah perebutan dalaman untuk menjadi calon parti masing-masing. Selepas penamaan calon 13 Mac ini, barulah persaingan dihalakan sepenuhnya dan secara rasmi ke arah parti lawan masing-masing. Pelbagai isu akan dibangkitkan dan janji ditaburkan bagi meraih sokongan rakyat sehingga hari pengundian pada 21 Mac ini.

Bagi parti pemerintah, iaitu Barisan Nasional (BN), rekod kejayaan memakmurkan negara menjadi asas penghujahan. Malah, perubahan yang dibawa pentadbiran Datuk Seri Ahmad Badawi seperti perang terhadap rasuah, memantapkan perkhidmatan awam, dan memajukan penduduk luar bandar, memberi kelebihan tambahan untuk BN.

Bagi pembangkang pula, dakwaan salah laku kerajaan atau apa saja yang menunjukkan kepincangan pemimpin kerajaan akan terus menjadi modal kempen. Malah, dalam konteks politik Melayu, isu agama terus dibangkitkan sehingga ke tahap mengkafirkan saudara seagama walaupun ia menyebabkan perpecahan ummah.

Rakyat sebagai pengundi adalah penentu kemenangan. Bukan sekadar manifesto parti politik, pengundi kini melihat kepada keperibadian calon. Akhir sekali, keperibadian pemimpin tertinggi parti turut dinilai dalam menimbang lambang yang akan dipangkah jika calon yang ditampilkan kurang disenangi.

Menyedari hakikat ini, pemimpin pembangkang sudah lama mencuba untuk memperlekehkan kewibawaan Perdana Menteri yang mula menerajui negara pada 31 Oktober tahun lalu selepas persaraan Tun Dr Mahathir. Malah, parti pembangkang sudah memulakan kempen sebaik saja pilihan raya umum lalu selesai.

Pada Pilihan Raya Umum 1999 lalu, pembangkang mengambil kesempatan daripada isu Anwar Ibrahim untuk mencemuh Dr Mahathir sebagai pemimpin zalim, suka membazir wang negara dengan projek mega dan melindungi pelaku rasuah di kalangan orang kenamaan termasuk menteri Kabinet.

Kali ini, Abdullah dituduh sebagai sekadar melanjutkan pemerintahan Dr Mahathir. Malah, pelantikan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri, dikatakan sebagai mematuhi arahan Dr Mahathir, walaupun Abdullah dikatakan mahu melantik Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Abdullah turut dituduh tidak berani mengubah dasar atau keputusan yang sudah dibuat Dr Mahathir, apa lagi mengheret `ikan jerung' ke mahkamah bagi menghadapi tuduhan rasuah. Tetapi apabila beliau melakukan sebaliknya, termasuk menanggungkan projek landasan kereta api berkembar, pembangkang menuduh pula Abdullah sebagai keseorangan di tampuk pemerintahan tanpa sokongan rakan menteri atau rakyat.

Namun, serangan utama pembangkang, khususnya Pas, dihalakan kepada peribadi Abdullah, iaitu ketrampilan agamanya. Pemimpin mereka yang selama ini mendabik dada sebagai pejuang Islam sebenar, mula goyah apabila ketrampilan agama anak dan cucu kepada ulama terkenal negara itu mendapat perhatian rakyat.

Apabila media membuat liputan Abdullah mengimamkan solat selepas menjadi Perdana Menteri pada Ramadan lalu, pemimpin pembangkang mencemuh beliau. Mereka mendakwa Perdana Menteri melakukannya bagi menarik sokongan rakyat.

"Mengapa baru sekarang nak mengimamkan solat?" soal seorang Naib Presiden Pas pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Dokumen Negara Islam tahun lalu. Jelas, pemimpin Pas langsung tidak ingin mengakui

ketokohan Abdullah, apa lagi untuk mengisi saf di belakang beliau.

"Mengapa tak jadi imam ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri?" kata Naib Presiden Pas itu yang selepas itu mendirikan solat sebagai makmum kepada penulis.

Pastinya, Pas akan terus mencemuh ketrampilan agama Abdullah dalam kempennya pada pilihan raya kali. Pas sedar keperibadian Abdullah menarik hati ramai orang Islam, termasuk penyokong parti itu - satu perkembangan yang tidak boleh dibiarkan berlaku kerana ia melemahkan Pas.

Hakikat ini ditunjuk dengan jelas oleh Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, pada sidang media di Marang semalam. Menteri Besar Terengganu itu berkata, Perdana Menteri hanya mahu menarik perhatian rakyat apabila mengimamkan solat pada Ramadan lalu. "Mengapa beliau tidak menjadi imam ketika urusan pengebumian ibunya"? kata Abdul Hadi.

Benarkah Abdullah yang memiliki kelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam itu seperti apa yang dinyatakan pemimpin Pas? Ribuan orang kampung, kakitangan kerajaan dan pengikut Abdullah tentu menolak dakwaan Pas itu. Abdullah sudah lama mengimamkan solat, malah sejak menjadi ahli politik lagi beliau sering melakukannya pada majlis di rumah atau di kawasanya.

Perkara ini disahkan orang yang paling rapat dengan Abdullah iaitu Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Othman Desa.

"Abdullah sudah lama mengimamkan solat. Malah ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri beliau sentiasa mengimamkan solat, terutama pada bulan Ramadan. Cuma media tidak pernah menyiarkannya," katanya.

Berucap pada forum perdana di Dewan Tuanku Chanselor, Universiti Malaya, pada malam menjelang genapnya 100 hari kepemimpinan Abdullah baru-baru ini, Othman berkata Perdana Menteri sememangnya tidak pernah melupakan pesanan utama ibunya, Datuk Khailan Hassan iaitu supaya sentiasa mengingati Allah dan jangan sekali-kali lalai melaksanakan perintah-Nya.

Itulah peringatan pertama daripada lima semuanya yang disampaikan Khailan kepada anak sulungnya apabila Abdullah pulang menemui ibunya bagi mendapat restu pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima.

Pada pertemuan itu, Khailan bukan sekadar memberi restu kepada Abdullah tetapi lima peringatan supaya anak sulungnya itu menjadi pemimpin terbilang sejajar dengan tuntutan Islam yang sentiasa disemai ke dalam diri anak itu sejak kecil.

Pertama, Khailan berpesan kepada Abdullah supaya sentiasa mengingati Allah, sifat asas yang perlu ada pada diri setiap umat Islam, terutama pemimpin negara.

"Insya-Allah, Abdullah sentiasa ingat dan berserah kepada Allah. Nak lantik saya pun dia lakukan solat istiqarah," kata Othman yang sebelum itu memohon maaf kepada pengerusi majlis dan hadirin kerana beliau perlu menceritakan mengenai peribadi ketuanya walaupun terkeluar daripada tajuk perbincangan supaya rakyat memahami jati diri Abdullah.

Kata Othman, Abdullah turut melakukan solat istiqarah apabila mahu membuat keputusan penting lain, terutama pelantikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Bukan sekali, tetapi dia buat berkali-kali solat istiqarah sebelum melantik Najib," katanya sambil menyanggah dakwaan pembangkang berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri.

Kedua, Abdullah diingatkan ibunya supaya melaksanakan amanah dan tanggungjawab berat sebagai Perdana Menteri dengan sebaik-baiknya.

"Inilah yang diterjemahkan Abdullah apabila beliau mengajak rakyat bekerja bersamanya, bukan untuknya, sehari selepas beliau menjadi Perdana Menteri," kata Othman.

Ketiga, Khailan berpesan kepada Abdullah supaya jangan sekali-kali bangga diri.

"Kita kenal Abdullah, dia tidak sombong," kata Othman sambil

menceritakan sikap Abdullah yang gemar bergurau dengan menumbuk perut sahabatnya sebagai tanda kemesraan.

"Dia lalu dekat saya, dia tumbuk perut saya. Saya pun terkejut juga, Perdana Menteri tumbuk perut saya. Saya katakan kepada beliau takut nanti ada pula orang kecewa kerana Perdana Menteri tak tumbuk perut mereka," katanya.

Pesanan Khailan seterusnya ialah supaya Abdullah sentiasa mengingatkan orang bawah atau rakyat kebanyakan.

Othman berkata, inilah yang dilakukan Abdullah tidak sampai tiga hari beliau menjadi Perdana Menteri apabila turun mengharungi banjir untuk menemui keluarga petani di Pulau Pinang dan Kedah yang menjadi mangsa bencana itu dan terus mengumumkan bantuan kerajaan bernilai RM32 juta bagi meringankan bebanan mereka.

Kesanggupan beliau untuk bergelumang dengan lumpur ketika ramai pengiring yang sekadar mengekori dengan kenderaan pacuan empat roda tanpa menjejak sedikit pun air banjir jelas memperlihatkan Perdana Menteri amat prihatin kepada rakyat dan rela melakukan sendiri tugas yang sepatutnya boleh dilakukan pegawai agensi kerajaan berkaitan.

Akhir sekali, kata Othman, Khailan mengingatkan Abdullah jangan bergaduh, atau dalam erti kata lain, supaya menjaga perpaduan.

"Sebab itulah pada hampir setiap perhimpunan, seperti di Shah Alam baru-baru ini, Perdana Menteri sebut betapa pentingnya perpaduan bukan saja di kalangan bangsa Melayu tetapi juga bangsa lain," katanya.

Kesimpulannya, kata Othman, peringatan yang disampaikan Khailan kepada Abdullah bukan sekadar kata-kata seorang ibu kepada anaknya, tetapi juga penyampaian ajaran Islam kepada pemimpin negara - sama seperti mana sunnah Rasulullah supaya umatnya berhenti makan sebelum kenyang seperti yang selalu diingatkan Dr Mahathir.